

# 52 keluarga dibawa ke pusat pemindahan

MOHD FAHMI ISMAIL

**SHAH ALAM** - Kira-kira 52 keluarga terdiri daripada 223 orang dipindahkan ke tiga pusat pemindahan di sekitar Selangor sejak malam kelmarin berikutan fenomena air pasang besar.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, mangsa yang terlibat adalah penduduk dari Kampung Sungai Air Tawar, Sabak Bernam (56 orang); Kampung Tok Muda, Kapar, Klang (152) dan Kampung Tok Adam, Tanjong Karang (15).

Beliau berkata, tiga pusat pemindahan itu dibuka di Dewan Kampung Tok Muda, Balai Raya Lorong Hamzah 2, Kampung Tok Adam dan Dewan Orang Ramai Sungai Air Tawar.



Kawasan Pantai Remis yang ditenggelami air pasang besar, semalam.

"Beberapa kawasan lain iaitu di sekitar daerah Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam turut terjejas tetapi tiada sebarang pemindahan dibuat," katanya.

Sementara itu, fenomena air laut pasang besar semalam tidak setinggi seperti berlaku kelmarin di beberapa kawasan di Selangor.

Semalam, *Sinar Harian*

melaporkan sebanyak 13 kawasan di lima daerah di Selangor dilanda banjir akibat limpahan air laut berikutan fenomena itu awal pagi Ahad.

Kawasan yang terjejas akibat fenomena air pasang besar ialah Kampung Tok Muda, Kapar dengan paras ketinggian air 100 hingga 250 milimeter (mm); Taman Maznah, Klang (50 hingga 250 mm) dan

Taman Selat Selatan, Klang (50 hingga 200 mm).

Selain itu, kawasan Sementa, Klang turut dinaiki air ketinggian 50 hingga 200 mm; Kampung Sungai Pinang, Klang (900mm); Kampung Tok Muda, Pulau Indah, Klang (900 mm); Jalan Klang-Banting, Pandamaran (900 mm) dan Taman Selat Damai, Pelabuhan Klang (900 mm).